



Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation 27(2) (2009): 247-263

## Evolusi Rumah dan Kehidupan Keluarga

FATIMAH ABDULLAH

### ABSTRAK

*Rumah kediaman adalah lebih daripada sebuah struktur fizikal. Ia turut menjadi lambang kehidupan. Seperti juga keluarga, rumah mengalami proses kelahiran, kematangan, kedewasaan dan kematian. Tegasnya, apabila keluarga mengalami perubahan, struktur rumah juga turut berubah. Oleh kerana perubahan berlaku di mana-mana, maka rumah keluarga baik di bandar mahu pun di desa berubah sama. Perubahan yang berlaku bukan sahaja daripada segi saiznya, malah juga kepada struktur dalaman dan luarannya. Sehubungan itu, makalah ini akan mengupas evolusi rumah berikutan perubahan yang berlaku kepada keluarga. Penulis berpendapat bahawa teori mengenai keluarga dan kekerabatan lebih bertumpu kepada organisasi sosialnya, akan tetapi perbincangan tentang "rumah" sama ada dari segi fizikal dan struktur simbolik bersama-sama dengan prinsip dalam organisasi sosialnya sama penting dalam memahami keluarga dan kekerabatan. Sehubungan itu makalah ini cuba menghujahkan bahawa rumah kediaman turut sama "hidup" dan "mati" seperti juga keluarga dan pada masa yang sama kedinamikan keluarga masa kini turut dibatasi oleh struktur rumah moden yang dihuni oleh kebanyakan keluarga. Perbincangan dalam makalah ini didasarkan kepada data daripada kajian-kajian mengenai keluarga yang pernah dilakukan baik oleh penulis sendiri dan juga oleh pengkaji lain khususnya tentang keluarga Melayu.*

*Kata kunci:* Rumah, keluarga, kedinamikan keluarga, hubungan kekerabatan

### ABSTRACT

*Family house is more than a physical structure. It is a symbol of life. Family house evolves as family moves from birth, maturity, adulthood and death; therefore house structure change according to the stages. Since social and cultural change occurs in urban and rural areas, so do family houses in both areas. Changes in family houses are not specific to it's size but the internal and external structure change as well. This paper shall discuss evolution of the house which is very much related to changes in the family. The writer believes that theoretical perspectives on family and kinship were focused more on it's social organization and discussion on "the house" from it's physical and symbolic structure together with rules related to its social organizations is important as well. This article attempts to discuss the idea of family house which*





*experience “life” and “death” as what happen to the family who lives in it and how social organizations and relations in a contemporary urban family is determine by it’s house structure. Discussion in this paper was based on studies on family done by the writer and other literatures on the family especially Malay families.*

*Key words:* House, family, family dynamics, kinship relations

## PENGENALAN

Rumah merupakan elemen penting dalam kehidupan keluarga. Malah, rumah sebagai tempat tinggal keluarga merupakan ciri penting dalam kebanyakan definisi awal tentang keluarga, selain daripada ciri-ciri seperti hubungan darah, perkahwinan dan sosialisasi anak-anak. Bagi kebanyakan keluarga ahli-ahlinya berkongsi tempat tinggal dan kemudahan-kemudahan yang ada dalam rumah berkenaan. Peraturan berkaitan dengan rumah kediaman dan tempat tinggal banyak ditentukan oleh prinsip-prinsip dalam hubungan perkahwinan dan keluarga. Justeru, rumah kediaman keluarga adalah lebih daripada sebuah struktur fizikal tetapi mencakupi hal ehwal mengenai organisasi dan interaksi dalam keluarga.

Makalah ini akan menyentuh beberapa perkara penting berkait dengan rumah keluarga. Bahagian pertama akan dimulai dengan memberikan takrifan tentang penggunaan perkataan “rumah” dan kaitannya dengan keluarga, dan isi rumah. Bahagian kedua adalah mengenai prinsip atau peraturan berkaitan rumah kediaman bagi pasangan yang baru berkahwin. Bahagian ketiga akan menyentuh tentang struktur dan organisasi dalam rumah sehingga memberikan rumah satu “makna” yang penting kepada kehidupan keluarga. Bahagian akhir akan menyentuh tentang perubahan rumah keluarga apabila masyarakat berubah disebabkan pemodenan. Dalam bahagian tersebut akan disentuh mengenai bagaimana organisasi dan interaksi dalam keluarga dan antara keluarga telah berubah atau disesuaikan dengan perubahan yang berlaku kepada rumah keluarga. Tegasnya makalah ini cuba menganalisis bagaimana rumah sebagai sebuah struktur fizikal mempunyai impak ke atas kehidupan sosial dan sebaliknya. Penulis cuba membahaskan pandangan bahawa rumah kediaman keluarga turut sama “hidup” dan “mati” sebagaimana juga keluarga. Pada masa yang sama penulis cuba memperlihatkan bagaimana struktur rumah masa kini di samping aktiviti ekonomi serta kedudukan sosioekonomi keluarga telah membataskan banyak aktiviti sosial keluarga, termasuk memperkembangkan jalinan hubungan kekerabatan dan kejiraninan. Perbincangan dalam makalah ini adalah didasarkan kepada kajian-kajian tentang keluarga yang telah dilakukan oleh beberapa orang pengkaji seperti Fatimah Abdullah et al. (2008), Banks (1983), Rudie (1994), Carsten (1997) dan Yoshihiro (2001).




## RUMAH, RUMAH TANGGA DAN ISI RUMAH

Rumah, rumah tangga dan isi rumah selalu dilihat sebagai sinonim (Carsten dan Hugh-Jones 1995). Rumah mempunyai kaitan rapat dengan perkahwinan dan kehidupan berkeluarga. Dalam masyarakat Melayu pertanyaan “sudah berumah atau belum?” bermaksud “sudah berkahwin atau belum”, wanita yang belum “berumah” bermaksud dia belum berkahwin atau bersuami (*Kamus Dewan Edisi Keempat*). Rumah tangga juga adalah pemerihalan tentang rumah dan kehidupan keluarga di dalamnya (*Kamus Dewan Edisi Ketiga*). Oleh itu “berumah tangga” selalunya dikaitkan dengan status perkahwinan dan hidup berkeluarga, seperti “dia belum berumah tangga”, “dia akan berumah tangga tidak lama lagi” atau “dia akan memulakan alam hidup berumah tangga”. Berkahwin atau berumah tangga menjadikan seseorang lelaki mempunyai isteri dan kerana itu dalam masyarakat Melayu, si suami akan merujuk isteri mereka sebagai “orang rumah”. Jadi perkataan “isteri” selalunya di sama erti dengan perkataan/konsep “suri rumah” atau “suri rumah tangga”.

Di kampung-kampung di Malaysia, rumah biasanya dibina di atas tanah milik persendirian atau yang dipunyai oleh seseorang. Oleh itu pemilik rumah berkenaan akan dirujuk sebagai “tuan rumah”. Tuan rumah boleh jadi lelaki atau perempuan bergantung kepada kedudukan ekonominya. Dia juga biasanya adalah ketua isi rumah, yakni seorang yang aktif dari segi ekonomi. Akan tetapi dalam konteks semasa, “tuan rumah” mungkin tidak tinggal dalam rumahnya sendiri terutamanya jika dia mempunyai banyak rumah dan menyewakan kepada orang lain. Jadi, penghuni dalam rumah itu adalah “penyewa” dan statusnya tentulah tidak sama dengan “tuan rumah” sebenar.

Isi rumah pula ialah konsep yang selalu digunakan dalam banci penduduk. Konsep ini dibuat berdasarkan peraturan yang ditentukan oleh orang perseorangan atau kumpulan bagi penyediaan makanan dan keperluan lain untuk hidup di dalam satu tempat kediaman yang sama. Jadi, isi rumah selalunya dirujuk kepada ahli-ahli yang tinggal dalam rumah (yang sama) dan mereka biasanya terdiri daripada keluarga. *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia* telah membahagikan isi rumah kepada dua iaitu isi rumah perseorangan yang merujuk kepada ahli yang membuat peruntukan sendiri bagi makanan dan keperluan hidup lain, tanpa berkongsi dengan orang lain; dan isi rumah berbilang ahli (sama ada dua atau lebih) yang tinggal bersama dan membuat peruntukan yang sama untuk makan dan keperluan lain. Ahli dalam isi rumah ini boleh jadi bersaudara atau tidak (*Laporan Am Banci Penduduk dan Perumahan 2000*). Isi rumah berbilang ahli ini boleh terdiri daripada isi rumah keluarga nuklear, keluarga luas atau isi rumah bersaudara.

Huraian itu memperlihatkan bahawa rumah bukan setakat ruang fizikal malah mencakupi individu yang menghuni serta bagaimana mereka mengatur kehidupan di dalam ruang tersebut sehingga menjadikan rumah sebagai sebuah “rumah tangga”. Mengenai hal ini rumah adalah sebagai satu ruang fizikal yang





stabil dan juga tempat bermulanya himpunan komuniti (yang kecil). Di dalam rumah itulah sempadan dan masa disstrukurkan dalam konteks fungsinya, aktiviti ekonomi yang berlaku di samping hal-hal berkaitan dengan estetik dan moral. Walaupun rumah berubah (yakni dalam konteks khemah bagi masyarakat tertentu) ia masih menekankan kepada aktiviti di dalamnya yang berlaku berulang-ulang dari semasa ke semasa. Dari itu “rumah” adalah suatu pola perlakuan yang berlaku berulang-ulang, yang diisi pula dengan kelengkapan dan peralatannya serta ruang fizikal di mana aktiviti-aktiviti kelompok direalisasikan. Rumah bermula apabila adanya kawalan ke atas sesebuah ruang dan kemudiannya memberikan satu orientasi fizikal kepada kehidupan domestik atau “arah kewujudannya”. Dari semasa ke semasa rumah kediaman akan menjadi satu struktur yang di dalamnya terjalin pelbagai kenangan tentang perhubungan masa lalu dan jangkaan terhadap masa depan. Ringkasnya rumah keluarga boleh difahami sebagai satu organisasi ruang dan alokasi sumber-sumber dalam satu jangka masa yang relatifnya panjang. Aspek estetik dan moral yang membentuk sesebuah rumah dalam konteks ruang dan masa itulah menyebabkan lahirnya keadilan, pengorbanan, di samping pengumpulan hak milik bersama. Rumah adalah seperti “komuniti” dalam bentuk *mikrokosme* yang mengkoordinasi hubungan atau komunikasi, pembahagian tugas, hak dan tanggung-jawab, makan minum bersama, hubungan antara ahli dan keahliannya bersilih ganti.


#### PRINSIP DAN PERATURAN RUMAH KEDIAMAN KELUARGA

Semua sistem keluarga mempunyai peraturan berkait dengan tempat tinggal. Peraturan itu telah diperkembangkan untuk menentukan siapa tinggal di mana dan dengan siapa. Memandangkan suami dan isteri datang dari keluarga berlainan tetapi memilih untuk tinggal bersama, maka salah seorang daripada mereka perlu berpindah (Eshleman & Bulcroft 2006: 32). Terdapat empat aturan kediaman utama yang ditemui dalam kebanyakan masyarakat iaitu kediaman patrilokal, matrilokal, bilokal dan neolokal.

Pola kediaman patrilokal sangat kerap ditemui dalam kebanyakan masyarakat. Pola tersebut menghendaki pengantin lelaki kekal atau terus tinggal bersama keluarganya setelah dia berkahwin atau dengan kata lain pengantin perempuan meninggalkan keluarganya dan menetap bersama dengan keluarga suami. Keluarga kediaman patrilokal selalunya membentuk keluarga luas yang berfungsi dalam konteks hak milik bersama ke atas sumber-sumber produktif domestik yang lazimnya diletakkan di bawah kawalan ketua isi rumah. Dalam keluarga berkenaan saiz isi rumah selalunya bertambah bagi setiap generasi (lihat Rajah 1).

Perkembangan isi rumah patrilokal itu menyebabkan kumpulan kerja dalam keluarga menjadi semakin besar dan sukar digerakkan sehingga mungkin meningkatkan konflik domestik. Hal ini boleh menyebabkan pembahagian atau






Rajah 1. Pola kediaman patrilokal tahap I, II dan III

perpecahan dalam isi rumah sehingga menyebabkan pembentukan isi rumah baru bagi setiap komponen tadi. Dinamik pembahagian atau perpecahan ini berbeza antara satu keluarga dengan keluarga lain. Pola keluarga patrilokal yang tradisional ini ditemui dalam keluarga di perkampungan di Turkey dan di kalangan orang Igbo di Nigeria (Afrika barat).

Satu lagi peraturan kediaman yang ditemui dalam masyarakat ialah kediaman matrilokal yakni pengantin lelaki akan meninggalkan keluarganya setelah berkahwin dan menetap pula dengan keluarga isteri. Dengan kata lain, wanita terus tinggal bersama keluarga ibunya dan anak lelaki yang berkahwin akan keluar dari rumah ibunya dan menetap dengan keluarga isteri (lihat Rajah 2). Walau bagaimanapun, pola ini tidak semestinya berlaku dalam masyarakat yang mengamalkan sistem matrilineal. Ini kerana dalam masyarakat tradisional yang mengamalkan sistem khidmat pengantin (bride service) yang menghendaki lelaki berpindah ke dalam keluarga isteri tetapi kemudiannya membina isi rumah sendiri setelah selesai tanggungjawab atau tugasnya.



Rajah 2. Pola kediaman matrilokal tahap I, II dan III






Pola kediaman matrilokal ini ditemui dalam struktur isi rumah orang Hopi, malah di kalangan pasangan keluarga kelas pekerja di Timur London juga mempraktikkan pola kediaman sedemikian berikut daripada kekurangan tempat tinggal (Young & Willmott 1962). Di kalangan masyarakat Cam di Kemboja, pola kediaman matrilokal juga ditemui. Pasangan baru berkahwin tinggal dengan keluarga isteri. Amalan ini bertujuan untuk memastikan kestabilan hidup pasangan baru sebelum si suami dianggap mampu berdikari dan berupaya membina rumah sendiri (Fatimah Abdullah, Mohamad Zain Musa & Farid Mat Zain 2008). Dalam kes di Timur London dan di Kemboja, pola kediaman tersebut mempunyai kaitan dengan faktor ekonomi dan bukannya kerana peraturan dalam budaya atau nilai kekeluargaan. Bagaimanapun, hal tersebut juga membayangkan hubungan yang rapat antara ibu dan anak perempuan sehingga wanita memilih untuk kekal tinggal dalam keluarga ibunya walaupun pada akhirnya mereka akan membina rumah kediaman sendiri.

Dalam peraturan kediaman sistem bilokal pula, pasangan baru berkahwin tinggal berdekatan dengan keluarga ibu bapa mereka (sama ada keluarga suami atau isteri) sementara pola kediaman neolokal pula ialah di mana pasangan tinggal atau membina kediaman baru yang jauh dari keluarga masing-masing.

Kediaman neolokal merupakan struktur domestik asas yang banyak ditemui masa kini. Dalam rumah berkenaan pasangan yang baru berkahwin dijangkakan tinggal dalam kediaman baru dan memperkembangkan keluarga nuklear yang bebas. Isi rumah berkenaan akan terbentuk setiap kali anak-anak berkahwin atau dalam konteks masa kini isi rumah berkenaan juga terbentuk apabila anak-anak dewasa bekerja dan aktif serta bebas dari segi ekonomi memilih untuk tinggal sendiri (lihat Rajah 3).

Pola kediaman neolokal ditemui dalam masyarakat di mana mobiliti dari segi geografi sangat penting dan hal ini didapati konsisten dengan pergerakan yang kerap atas pilihan sendiri untuk memenuhi penawaran dan permintaan pasaran buruh. Walau bagaimanapun fenomena ini juga ditemui dalam masyarakat memburu dan mengumpul atas sebab strategi sara diri.



Rajah 3. Pola kediaman neolokal tahap I, II dan III






## RUMAH KELUARGA: STRUKTUR SERTA ORGANISASINYA

Bahagian ini akan memperkatakan mengenai struktur rumah dan organisasi di dalamnya. Perkara penting yang akan disentuh ialah mengenai struktur fizikal dan kandungannya yang pula diikat oleh jalinan hubungan antara ahli-ahli yang menghuni rumah tersebut serta ahli-ahli lain di luar kediaman itu. Bahagian ini cuba memperlihatkan tentang “hidup”, “matii” atau terbina dan robohnya sesebuah rumah apabila keluarga berubah.


Kebanyakan rumah Melayu tradisional dibina dalam bentuk binaan asas seperti Rajah 4. Walau bagaimanapun struktur fizikal yang asas itu akan berubah mengikut masa dan perubahan itu bukan sahaja dapat dilihat dari segi bentuk, malah saiznya juga. Perubahan ini berlaku dalam kedua-dua pola kediaman patrilokal dan matrilokal. Dalam masyarakat yang menekankan aturan kediaman demikian, saiz rumah biasanya akan berkembang apabila anak-anak berkahwin. Isi rumah keluarga nuklear akan berubah menjadi isi rumah keluarga luas dengan kemasukan menantu (lelaki atau/dan perempuan) serta kelahiran cucu (lihat Rajah 5).

Perkembangan saiz atau struktur rumah kediaman ini bergantung kepada kedudukan sosio-ekonomi penghuninya dan juga lokasinya. Dalam konteks desa, di mana kebanyakan rumah diperbuat daripada kayu dan dibina di atas tanah kepunyaan keluarga, rumah boleh dibaiki atau dibesarkan mengikut keperluan. Hal ini disebut oleh Kuchiba et al. (1979) dalam kajian mereka di Padang Lalang, Kedah. Keadaan yang sama juga ditemui dalam komuniti




Rajah 4. Struktur rumah yang asas bagi keluarga Melayu  
Sumber: Kuchiba et al. 1979: 44





HOUSE SHAPE 3

Rajah 5. Rumah yang dibesarkan  
Sumber: Kuchiba et al. 1979: 45



Rajah 6. Persekutuan rumah petani desa  
Sumber: Kuchiba et al. 1979: 46

Melayu di perkampungan Sungai Pencala yang dikaji oleh Abdul Maulud Yusuf (1976). Menurut beliau rumah orang Melayu di perkampungan tersebut akan berubah (yakni dibesarkan) apabila anak-anak berkahwin. Rumah asal akan




ditambah dengan bilik tidur yang baru bagi membolehkan pasangan baru tinggal bersama dan ahli keluarga mempunyai ruang dan bilik yang cukup untuk semua.


Rumah Melayu tradisional baik di desa mahupun di bandar akan tamat riwayatnya apabila ia “roboh” ditelan masa atau “dirobohkan” sama ada kerana pembangunan sekitar atau pembahagian pusaka. Apabila salah seorang daripada ibu bapa meninggal dunia dan diikuti dengan yang satu lagi, rumah kediamannya juga akan tidak berpenghuni. Hal ini berlaku apabila anak-anak yang telah berkahwin membina rumah kediaman mereka sendiri sama ada berdekatan atau jauh di tempat lain.

Kajian di Kelantan (Fatimah Abdullah 2004) mendapati bahawa rumah keluarga yang agak besar dengan empat atau lima bilik hanya dihuni oleh wanita tua bersama seorang atau beberapa orang cucu kerana anak-anak mereka telah membina rumah sendiri sama ada berdekatan atau jauh dari rumah ibu bapa mereka. Cucu-cucu itu kemudiannya akan meninggalkan si nenek apabila mereka berpeluang menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi di luar dari kampung atau negeri berkenaan. Rumah tersebut terus terbiar apabila wanita tua itu meninggal dunia. Ketiadaan penghuni menyebabkan rumah peninggalan ibu bapa tidak terjaga sehingga menyebabkan atap bocor, lantai patah, tangga reput ditelan masa atau dimakan anai-anai. Dalam jangka masa tertentu rumah keluarga itu pun akan roboh akhirnya. Selain perpindahan keluar anak-anak, keadaan rumah di kampung (malah di bandar juga) yang terbiar itu mempunyai kaitan juga dengan perebutan harta atau pembahagian harta pusaka yang agak lambat prosesnya.

Dalam konteks bandar pula rumah kediaman kebanyakannya berbentuk rumah-rumah yang siap dibina di kawasan taman perumahan. Pengubah-suaian kepada struktur asal sesebuah rumah agak sukar, melibatkan kos yang tinggi dan memerlukan kelulusan pihak berkuasa. Kekangan ini memaksa pasangan yang baru berkahwin mencari kediaman baru atau tinggal dengan keluarga mana yang mempunyai rumah yang lebih besar. Perpindahan keluar dari keluarga orientasi (yakni rumah ibu bapa) akibat ruang yang terbatas ini biasa berlaku di kalangan keluarga kelas bawahan di Kuala Lumpur. Bagi keluarga yang berada, masalah tempat tinggal seperti ini tidaklah menjadi isu yang besar kerana rumah keluarga biasanya besar dan cukup untuk menampung tambahan ahli. Lagipun bilangan anak yang tidak ramai dan saiz isi rumah juga kecil. Selain itu keupayaan daripada segi ekonomi mengizinkan ibu bapa mencari lokasi yang lebih sesuai dan membina rumah yang lebih besar atau membuat binaan tambahan untuk anak-anak mereka yang telah berkeluarga (lihat Rajah 7).

Huraian di atas diperkuuhkan lagi dengan kenyataan Carsten dan Hugh-Jones (1995) yang menyebut bahawa, sebagaimana orang yang menghuni di dalamnya, rumah adalah satu entiti yang dinamik; rumah dilihat sebagai satu unsur yang lahir, matang, menjadi tua dan mati. Ini kerana apabila keluarga mengalami perubahan, struktur rumah juga turut berubah. Oleh sebab perubahan berlaku di mana-mana, maka rumah keluarga baik di desa mahupun di bandar





Rajah 7. Rumah keluarga bagi keluarga kelas menengah atas  
Catatan:

Pelan lantai tingkat bawah bagi rumah keluarga. Ruang selebar 1.8 meter berturap slate memisahkan rumah anak dengan rumah bapa di kanan sementara ruah seorang lagi anak terletak di hadapan bersebelahan dengan kolam. Bahagian hadapan rumah tiga beranak ini adalah tempat letak kereta yang luas.

Sumber: Anjung Seri 1997: 35

turut sama berubah. Perubahan bukan sahaja dari segi struktur fizikal dan saiznya malah struktur dalamannya turut berubah. Evolusi yang berlaku kepada rumah keluarga itu membayangkan reaksi dan interaksi kepada apa yang berlaku dalam kelompok sosial dan dunia sekeliling.





Selain perubahan kepada strukturnya, kandungan di dalam rumah juga merupakan unsur penting yang mencerminkan pemiliknya. Kajian oleh Kuchiba et al. (1979) di Padang Lalang, Kedah memperlihatkan bahawa rumah keluarga berubah-ubah saiznya. Daripada rumah bujang yang kecil saiznya kepada saiz yang lebih besar apabila dibina serambi dan bumbung kepada rumah asalnya (lihat Rajah 2). Di Kemboja, kedudukan ekonomi penghuninya (yakni di kalangan orang Cam) dapat dilihat daripada bumbung rumah. Rumah petani miskin biasanya seperti Foto 1 sementara rumah orang berada mempunyai lebih daripada dua atau tiga bumbung (Foto 2).



Foto 1. Rumah petani Cam di Kemboja



Foto 2. Rumah orang Cam yang berada





Selain melihat perubahan strukturnya, rumah keluarga juga boleh dilihat dalam konteks simbolik dan praktikalnya (Rudie 1994). Menurut beliau, aspek simbolik itu boleh dilihat dalam konteks bagaimana penghuni sesebuah rumah berkongsi reputasi, menguruskan tabung untuk sesuatu upacara (*ceremonial fund*), modal simbolik (*symbolic capital*) atau bertindak seperti komuniti kecil. Kondisi praktis pula terikat pada ciri sesebuah isi rumah sebagai satu unit yang boleh terus “hidup”, unit kecil tempat pengagihan (sumber-sumber) dan suatu kelompok yang disusun di sekitar aktiviti domestik (Rudie 1994: 87).

Berkait denganuraian di atas, hampir kebanyakan rumah keluarga mempunyai dapur, ruang makan, ruang rehat, bilik tidur dan bilik air (rumah tradisional mempunyai tandas dan tempat mandi di luar rumah). Di sesetengah tempat dapur terletak di luar rumah tetapi makan minum tetap berlaku dalam rumah. Hal ini boleh dilihat pada rumah kuarters kerajaan pada masa dahulu di mana rumah dapur terpisah daripada rumah ibu dan kedudukannya lebih rendah daripada rumah ibu.


Dalam rumah jugalah interaksi antara ahli-ahlinya berkembang. Menurut Carsten (2004: 31), kenangan terhadap rumah yang dihuni sejak zaman kanak-kanak mempunyai kuasa reaksi emosi yang luar biasa. Hal ini mungkin ada kaitannya dengan pertalian yang mendalam dan pelbagai perkara yang menghubungkan antara satu sama lain tentang apa yang pernah berlaku dalam rumah. Peristiwa-peristiwa seperti makan dan membesar bersama, hubungan emosional yang mendalam antara ahli keluarga dekat mengikat ahli-ahlinya. Salah satu kenangan penting kepada kebanyakan orang ialah “meja makan” di rumah yang bukan sahaja menjadi tempat persiapan memasak dan tempat makan tetapi juga menjadi tempat membincangkan hal-hal keluarga, tempat anak-anak membuat kerja sekolah malah tempat bermain (terup, catur dan lain-lain). Justeru, rumah dan kehidupan dalam rumah “membawa” dan “mengikat” ahlinya bersama.

Rumah keluarga bukan sahaja membayangkan penghuni di dalamnya tetapi juga kelompok sosial dan masyarakat kelilingnya. Carsten dan Huges-Jones (1995: 1) menyebut bahawa rumah adalah;

*“places in which the to and fro of life unfolds, built, modified, moved or abandoned in accordance with the changing circumstances of their inhabitants, the house have dynamic, processual characteristics encapsulated in the word “dwelling”.*

Malah mereka berdua seterusnya menyebut bahawa

*“the house and the body are intimately linked. The house is an extension of the person; like an extra skin, carapace or second layer of clothes, it serves as much to reveal and display as it does to hide and protect. House, body and mind are in continuous interaction, the physical structure, furnishing, social conventions and mental images of the house at one enabling, moulding, informing and constraining the activities and ideas which unfold within its bounds”.*





Justeru, di mana seseorang itu tinggal sangat penting dalam konteks obligasi dan ikatan emosi di antara sanak saudara. Ini kerana pola perhubungan antara datuk-nenek, ibu bapa dan anak, adik beradik serta sanak saudara akan turut sama berubah mengikut tempat di mana mereka tinggal. Tinggal dan hidup dalam rumah kediaman yang sama melibatkan perkongsian dalam pelbagai perkara, malah hubungan dengan jiran tetangga serta komuniti tentu akan berbeza berbanding dengan tinggal berasingan atau jauh beratus batu.

Dalam kajianya di Sik, Kedah, David Banks (1983: 136-137) menyebut bahawa menghuni rumah kediaman (rumah tangga) yang sama, makan minum bersama, hubungan kerjasama atau tolong menolong yang berkekalan antara satu sama lain sangat penting dalam memperkembangkan sentimen hubungan kekerabatan yang rapat. Menurut Banks, evolusi pola perhubungan dalam rumah tangga itu boleh dilihat dalam konteks bagaimana orang Melayu secara tradisinya menyatakan sentimen kekerabatan mereka. Dalam rumah itulah ahli keluarga yang lebih tua menjaga dan memberikan perhatian kepada ahli baru, yakni anak yang baru lahir. Perhatian ini kadang kala menyebabkan rasa cemburu di hati anak-anak yang sudah besar. Walau bagaimanapun, hubungan antara mereka pulih apabila meningkat usia. Ini dapat dilihat apabila si kakak menjaga dan memberi makan kepada adik-adik yang lebih kecil bagi meringankan tugas ibu apabila si ibu sibuk dengan kerja lain. Dalam rumah jugalah si adik meminta bantuan abang atau kakak dalam menyiapkan kerja sekolah; si kakak atau saudara mara perempuan yang lebih tua mengajar si gadis menjahit atau masak sehingga pandai dan boleh mengajar orang lain yang lebih muda pula.

Menurut Banks (1983) lagi, pola perhubungan dalam rumah tangga yang terjalin dengan rapat dan erat itu boleh menjadi pelindung kepada rasa tidak puas hati yang mungkin terbit dalam perhubungan kekeluargaan itu. Justeru, dalam rumah keluargalah ahli-ahlinya diajar agar patuh kepada peraturan-peraturan berkait dengan peranan berdasarkan biologi sebagai mana yang dikehendaki dalam undang-undang atau hukum-hakam agama Islam. Sehubungan itu anak yang membesar atau dibesarkan oleh bapa saudaranya akan memanggil lelaki berkenaan dengan panggilan “pak” atau “ayah” sama seperti panggilan kepada bapanya sendiri kerana lelaki berkenaan (bapa saudara) itu dihormati dan dianggap “seperti bapa sendiri”. Malah dalam sesebuah rumah tangga, panggilan kepada seseorang haruslah mengikut pangkatnya dalam keluarga dan bukan umur biologinya. Sebagai contoh, walaupun seseorang individu mempunyai kakak ipar (yakni isteri kepada abang) yang lebih muda usianya, dia akan memanggil wanita itu sebagai “kak” atau “kakak” dan bukan adik. Tegasnya dalam sesebuah rumah tangga seseorang harus menghormati kedudukan antara satu sama lain. Tidak hairan jugalah perkahwinan antara ahli dalam sesebuah rumah tangga (yang bukan anggota keluarga nuklear) adalah memalukan kerana mereka dianggap seperti saudara sedarah (*close consanguineal*) atau seperti adik beradik dan kerana itu perlu menghormati status dan peranan satu sama lain (Banks 1983: 136).



## RUMAH KELUARGA: PERUBAHAN DAN KESINAMBUNGAN

Sehingga kini rumah terus menjadi lambang kehidupan dan status keluarga. Hal ini diperkuuhkan lagi dengan bentuk atau jenis rumah yang dihuni dan lokasi (atau alamat) di mana rumah itu berada. Walau bagaimanapun pemilihan rumah kediaman tidak banyak lagi dipengaruhi oleh ikatan keluarga dan kekerabatan apabila keputusan untuk membeli rumah dan memilih tempat tinggal ditentukan oleh pasangan suami isteri berdasarkan keupayaan kewangan mereka. Pada satu ketika, pemilihan rumah kediaman dipengaruhi oleh tempat kerja di mana kebanyakan orang lebih suka membeli rumah di kawasan yang berdekatan dengan tempat kerja. Akan tetapi apabila kedudukan ekonomi semakin kukuh, lokasi atau kawasan di mana rumah itu berada memainkan peranan penting pula. Ada yang menjual atau menyewakan rumah lama setelah membeli rumah baru di kawasan baru yang dianggap berprestij. Di Lembah Kelang banyak kawasan perumahan yang dianggap berprestij seperti *County Heights*, kawasan perumahan Bukit Kenney, Duta, Damansara Heights, Bangi *Golf Resort* dan *Tropicana*.

Jenis rumah yang didiami turut berubah, daripada rumah tradisional ala kampung kepada rumah teres atau rumah banglo dan apartmen serta kondominium yang dibina oleh pemaju. Bukan sahaja di bandar, kawasan pinggir bandar juga semakin banyak dipenuhi oleh rumah teres yang dibina oleh pemaju. Rumah-rumah moden yang berpagar ini menegaskan lagi sempadan antara sebuah keluarga dengan keluarga yang lain. Di sesetengah kawasan perumahan walaupun tidak ada pagar yang memisahkan antara sebuah rumah dengan yang lain tetapi seluruh kawasannya berpagar dan ada pengawal. Keluar masuk ke dalam kawasan tersebut perlu mendapat pas dengan izin tuan rumah. Fenomena baru ini turut memperlihatkan pengasingan dan eksklusifnya pemilik serta penghuni di kawasan tersebut sekali gus membataskan hubungan kekerabatan dan persaudaraan antara satu keluarga dengan yang lain.

Mengenai struktur dalaman pula, kebanyakan rumah moden masih mempunyai ruang-ruang penting sebagaimana rumah tradisional iaitu dapur, bilik tidur, ruang makan, ruang tamu, bilik air serta halaman. Walau bagaimanapun fungsi setiap ruang itu mungkin berbeza atau berubah berbanding dengan dahulu. Yang paling jelas sekali ialah dapur dan ruang makannya. Dalam rumah tradisional, dapur memainkan peranan penting bukan sahaja dalam konteks "menghidupkan" keluarga malah menjadi tempat di mana proses sosialisasi berlaku. Di dapur itulah anak perempuan mula belajar menanak nasi, menggoreng ikan, membuat kopi, menyiapkan hidangan untuk keluarga terutamanya makan tengah hari atau makan malam. Dalam bulan Ramadan dan menjelang hari raya, dapur menjadi tempat yang sibuk di mana kuah-muih dan juadah disediakan. Di dapurlah wanita dewasa memperkuuhkan kuasa domestiknya baik kepada anak perempuan atau menantu perempuannya. Di dapur jugalah terletaknya "kuasa" wanita.





Pada masa dahulu juga rumah-rumah dibina di atas sebidang tanah kepunyaan keluarga. Ahli dalam rumah-rumah berkenaan berkongsi sumber-sumber; mandi dan mencuci di pergi yang sama, anak-anak pula bermain di halaman yang sama begitu jugalah kenduri kendara menggunakan ruang halaman yang sama dengan kesemua ahlinya berkongsi menyediakan makanan, masak dan melayan tetamu.

Kini dapur yang merupakan bahagian penting dalam rumah keluarga semakin hilang fungsinya apabila kebanyakan keluarga khususnya yang tinggal di bandar lebih kerap “makan di luar”. Dapur menjadi “kenangan masa lalu” apabila ahli keluarga khususnya wanita jarang memasak. Kuih muih hari raya sudah boleh dibeli atau ditempah. Menjemput sanak saudara atau rakan taulan makan di rumah juga sukar dilakukan antaranya kerana wanita bekerja dan kesuntukan masa untuk masak bagi ahli keluarga sendiri apa lagi menjemput tamu. Kekangan dari segi ruang turut sama membataskan hasrat untuk menjemput tetamu makan di rumah. Jikalau pun rumah yang didiami cukup untuk mengisi tetamu atau jemputan tetapi dapur yang sempit dan peralatan memasak yang terbatas turut sama menghalang hasrat tersebut. Tidak hairanlah jika kenduri kendara khususnya kenduri kahwin diadakan di dewan (Fatimah Abdullah 2009).

Perubahan-perubahan yang telah berlaku kepada rumah keluarga menyebabkan jalinan hubungan dalam keluarga dan antara keluarga turut berubah. Perubahan itu meninggalkan kesan yang penting kepada jalinan hubungan dalam keluarga itu sendiri dan jalinan hubungan kekerabatan. “Kenangan manis” dalam rumah bersama ahli keluarga hanyalah nostalgia masa lalu. Apabila keluarga masa kini berpindah dari satu tempat ke satu tempat akibat pekerjaan maka ikatan dan kenangan kepada rumah keluarga juga tidak mendalam. Hal ini ditambah pula dengan kebanyakan aktiviti individu dan keluarga yang banyak berlaku di luar rumah misalnya di sekolah, di kelab atau di pejabat.

## PENUTUP

Makalah ini cuba memperkatakan tentang rumah keluarga. Mengupas isu ini bukanlah satu kerja yang mudah memandangkan rumah yang diperkatakan bukanlah setakat objek fizikal tetapi maknanya dalam konteks kedinamikan sesebuah keluarga itu sendiri. Daripada sebuah unit fizikal yang dilengkapkan dengan ruang dan peralatan yang memisahkannya daripada “rumah orang lain” rumah juga menjadi ruang di mana fungsi keluarga serta jalinan hubungan antara ahlinya berlaku berulang-ulang, dan dapat diramalkan, menjadi kenangan manis dan pahit kepada ahlinya.

Rumah keluarga memberikan makna yang penting kepada penghuninya. Sama ada disedari atau tidak rumah menentukan siapa kita dan tempat kita





dalam masyarakat. Menjemput seseorang “datang ke rumah” memperlihatkan kesediaan penghuni atau tuan rumah menerima orang lain ke dalam ruang peribadinya. Mengajak makan dan masuk ke dapur malah tidur menandakan seseorang itu telah diterima sebagai anggota yang dianggap rapat atau akrab. Amalan ini tidak banyak bezanya antara dahulu dan kini. Proses sosialisasi selalu mendidik anak-anak supaya “jangan masuk ke rumah orang tanpa izin”, “Jangan duduk di rumah orang lama-lama”, “Jangan makan minum dan tidur di rumah orang sesuka hati” dan pelbagai lagi memperlihatkan batasan antara ruang peribadi seseorang. Kini, pernyataan tentang ruang peribadi itu menjadi lebih jelas dengan rumah yang berjeruji, pintu pagar besi dan loceng atau *intercom*. Malah langsir di rumah walaupun selalu dilihat sebagai sebahagian daripada hiasan dalaman tetapi ia turut “menutup” bukan sahaja kandungan dalam rumah malah peristiwa yang berlaku dalam rumah daripada dunia luar.

Akhir sekali sebagaimana kata Carsten (2004) “*The house is an extension of the person, it is also an extension of the self*”. Justeru, walaupun rumah merupakan satu struktur fizikal yang “tidak bergerak” tetapi di dalamnya sentiasa “bergolak” dan pergolakan itu sama ada pahit atau manis, selesa atau sesak, panas atau sejuk membayangkan kedinamikan perhubungan antara ahli-ahlinya. Akhirnya, rumah sebagai struktur fizikal dan proses sosial yang berlaku di dalamnya turut dipengaruhi oleh gerak kuasa luar khususnya budaya dalam masyarakat serta keadaan ekonomi dan politik semasa.

#### RUJUKAN

- Abdul Maulud Yusof. 1976. An urbanizing Malay village, some aspects of its social organization. Dlm. H.M. Dahlan (ed.). *The nascent Malaysian society*. Monograf Jabatan Antropologi dan Sosiologi, UKM.
- Banks, D.J. 1983. *Malay kinship*. Philadelphia: Institute for the Studies of Human Issues.
- Carsten, J. & Huges-Jones, S. 1995. *About the house: Levi-Strauss and beyond*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Carsten, J. 1997. *The heat of the hearth: The process of kinship in a Malay fishing community*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Carsten, J. 2004. *After kinship*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Eshleman, J.R. & Bulcroft, R.A. 2006. *The family*. 11<sup>th</sup> Ed. Boston: Allyn & Bacon.
- Fatimah Abdullah. 2004. Urbanisasai dan Transformasi Keluarga. Laporan Penyelidikan, M/11/99. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM.
- Fatimah Abdullah. 2009. Dari halaman rumah ke Dewan Merak Kayangan: Upacara perkahwinan Melayu Bandar. *Jurnal SARI* 27(1): 103-133.
- Fatimah Abdullah, Mohamad. Zain Musa & Farid Mat Zain. 2008. Struktur dan organisasi sosial orang Cam di Malaysia. Kertas Kerja MSC6. Anjuran Persatuan Sains Sosial Malaysia, Fakulti Sains Sosial UNIMAS, IKMAS dan IKON. Kuching, Sarawak, 5-6 Ogos.
- Kuchiba, M, Tsoubouchi, Y. & Maeda, N. 1979. *Three Malay Villages: A sociology of paddy growers in West Malaysia*. Honolulu: University of Hawaii Press.





- Rudie, I. 1994. *Visible women in East Coast Malay Society: On the reproduction of gender in ceremonial, school and market*. Oslo: Scandinavian University Press.
- Yoshihiro, T. 2001. *One Malay Village: A thirty-year community study*. Kyoto: Kyoto University Press.
- Young, M. & Willmott, P. 1962. *Family and kinship in East London*. London: Routledge & Kegan Paul.

*Fatimah Abdullah, Ph.D.  
Program Kerja Sosial  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM, Bangi, Selangor, Malaysia.  
E-mail: [timah@ukm.my](mailto:timah@ukm.my)*

